

09 FEB 1997

Mahathir-Jalan Raya

SIKAP PENGGUNA JALAN RAYA MENGECEWAKAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menyatakan rasa kesal beliau terhadap sikap sesetengah pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan walaupun pihak berkuasa telah mengambil langkah-langkah serius untuk mengurangkan kadar kemalangan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh membuat apa-apa lagi jika pengguna jalan raya, terutamanya penunggang motosikal masih enggan mematuhi peraturan jalan raya.

"Kita tak tahu apa lagi nak buat. Kita minta supaya orang jangan gopoh ketika membawa kereta...lambat 15 minit apa salahnya. Dia nak gopoh sangat terutama penunggang motosikal," kata beliau kepada pemberita di rumah terbuka beliau sempena Aidil Fitri di Sri Perdana di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai jumlah kemalangan maut yang terus meningkat setiap hari terutamanya pada cuti perayaan kembar ini walaupun pihak berkuasa khasnya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan polis telah mengambil beberapa langkah ketat termasuk melancarkan "Ops Pacak II".

Sebanyak 22 kematian dilaporkan pada Jumaat berbanding 19 kematian pada Khamis lepas. Penunggang dan pembonceng motosikal terus menduduki senarai tertinggi mangsa yang terkorban dalam nahas jalan raya.

Perdana Menteri menceritakan mengenai bagaimana beliau sendiri ketika membawa kereta, kadang-kadang melihat penunggang motosikal memintas kereta dengan cara yang berbahaya.

"Sebenarnya merekalah (penunggang motosikal) yang dekat dengan maut, tapi saya tak tahu apa lagi nak buat kerana kita dah nasihat, ada polis, ada radar dan macam-macam dah dibuat lagi," katanya.

"Saya tak tahu melainkan kita berhentilah...tak usah jalan (menggunakan jalan raya) langsung," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada lorong khas yang disediakan untuk bas dan teksi di beberapa batang jalan raya di sini sejak 1 Feb lepas akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, Dr Mahathir berkata keberkesanan lorong itu tidak dapat dipastikan lagi kerana beberapa hari selepas ia dikuatkuasakan, orang ramai telah pulang ke kampung masing-masing sempena cuti perayaan berkembar.

"Jadi saya fikir kita tengoklah dulu. Tapi ini satu usaha...(Tetapi) Kalau orang tak patuh dan masuk lorong bas ini, susahlah," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, lorong bas akan mempercepatkan serta memudahkan perjalanan bas manakala orang ramai pula tidak akan membawa kereta ke bandaraya selepas mereka sudah membiasakan diri menaiki bas.

Beliau berkata pemandu kereta boleh membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan menggunakan kemudahan pengangkutan awam seperti bas, Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), KTM Komuter dan sebagainya.

"Kita buat macam-macam nak bagi orang senang tapi orang sendiri tak mahu cari jalan yang senang," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai kegagalan kempen berkongsi kereta, Dr Mahathir berkata orang ramai tidak memberi kerjasama tetapi lebih cepat menuduh bahawa jalan raya di bandaraya sesak.

"Kalau semua turut (iaitu) satu kereta empat orang, kalau ada bas, bagi bas jalan dulu dan kalau ada lampu isyarat, jangan masuk dalam petak kuning... Kalau ikut peraturan, insya-Allah tiada masalah," kata beliau.

"Tapi kalau semua orang tak ikut peraturan dan kita marah pada orang lain payahlah," kata beliau, dan menambah bahawa kebanyakan masalah di

jalan raya adalah kerana pemandu sendiri "yang terlalu gopoh, tidak mengikut peraturan". -- BERNAMA

ES PR